

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA**  
**BIL. 1/2022**

---

**PENGECUALIAN BAYARAN FI BAGI PERMOHONAN HAKMILIK HILANG ATAU ROSAK AKIBAT BENCANA BANJIR**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah dan Pendaftar mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka melalui Risalat MMKN.P.15 21A/3/2022 yang telah bersidang pada 18.1.2022 dan disahkan pada 9.2.2022. Melalui Risalat MMKN.P.15 21A/3/2022, MMKN telah meluluskan pengecualian bayaran fi bagi permohonan hakmilik hilang atau rosak akibat bencana banjir.

Permohonan pengeluaran dokumen hakmilik kepada pihak yang berkepentingan akibat hilang atau rosak adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 166(1)(d), Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Bayaran fi bagi pengeluaran dokumen hakmilik hilang atau rosak dikenakan melalui peruntukan Seksyen 169 Akta 828 dan perlu dibayar oleh pemohon. Jumlah bayaran dikenakan bagi setiap dokumen hakmilik hilang atau rosak adalah seperti berikut:-

- |   |
|---|
| i. Bayaran Dokumen Hakmilik Hilang : RM100.00 |
| atau Rosak                                    |
| ii. Pelan (JUPEM) : RM20.00                   |
| iii. Warta : RM75.00                          |
| iv. Bayaran Proses : RM45.00                  |
| <b>Jumlah : RM240.00 / Hakmilik</b>           |

Negeri Melaka telah dilanda bencana banjir mulai hujung tahun 2021 hingga awal tahun 2022. Justeru selain harta benda am, penduduk di kawasan yang terkesan tersebut dijangka menghadapi masalah kehilangan serta kerosakan dokumen hakmilik yang tidak dapat diselamatkan semasa menghadapi situasi banjir tersebut.

Mengambil kira beberapa siri gelombang bencana banjir yang berlaku sepanjang tempoh berkenaan, MMKN telah meluluskan **pengecualian** bayaran penggantian dokumen hakmilik hilang atau rosak diberikan kepada mangsa-mangsa bencana banjir yang membuat permohonan urusan tersebut.

Permohonan gantian dokumen hakmilik. adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Surat Akuan Sumpah dengan dinyatakan butiran hakmilik yang jelas;
- (ii) penyediaan dokumen mengikut senarai semak yang ditetapkan;
- (iii) dokumen atau surat pengesahan yang telah diperakukan oleh pihak atau agensi yang berkaitan seperti penghulu, ketua kampung atau JPKK.

Tempoh pengecualian bayaran dokumen hakmilik hilang atau rosak berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan MMKN iaitu 9 Februari 2022 hingga enam (6) bulan berikutnya.

Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai bagi mana-mana hakmilik yang telah tamat tempoh sebelum dilanda bencana banjir. Sebarang permohonan berkaitan adalah melalui proses dan pembayaran fi mengikut ketetapan biasa.


Arahan ini hendaklah mula berkuat kuasa serta merta. Pentadbir Tanah dan Pendaftar diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam melaksanakan arahan ini.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK MD AZHAN BIN SAMAT)**

~~Pengarah Tanah dan Galian,~~  
Melaka.

Tarikh : 9 Mac 2022